

# Pertemuan PM dan pelajar2 di London bagai satu keluarga

PADA petang 19 April lalu Dewan Edward VII, hotel Royal National di tengah-tengah kotaraya London penuh sesak dengan lebih 2,000 penuntut Malaysia yang sedang belajar di United Kingdom. Sambutan begitu hangat sehingga menyebabkan sebahagian daripada mereka tidak dapat masuk ke dewan itu.

Oleh kerana cuma 500 kerusi sahaja yang dapat disediakan dalam dewan (yang terbaik dapat di tempah oleh pejabat Persekerajaan Tinggi Malaysia di London) penuntut-penuntut lain terpaksa berdiri menunggu. Mereka tidak da-

bagaimana pula boleh menjadi "host". Penuntut-penuntut ketawa dan ketawa itu terus memanjang apabila Perdana Menteri berkata: "Datuk Kassim ini pandai-pandai saja."

Pada peringkat awal lagi Perdana Menteri telah dapat memikat hati penuntut-penuntut itu dengan jenakanya yang bersahaja terutama ketika mencuba alat pembesar suara. "Testing... one two three" sudah cukup melucukan. Datin Seri Dr Siti Asmah yang ada di sisinya juga ketawa.

Majlis yang lebih seperti majlis ramah tamah itu tidaklah lucu ke-

laidahnya mungkin berlipat kali ganda," jelasnya.

Menurut beliau, di Sweden salah seorang pengusaha negara itu bertanya kepadanya mengapa Malaysia perlu membuat kereta sendiri. Dia juga menyarankan supaya lebih baik bagi Malaysia mengimport sahaja kereta-kereta berkenaan dari luar negeri kerana ia lebih ekonomik.

"Saya tanya balik kepadanya. Mengapa perlu Sweden membuat kereta Volvo. Sudah tentu lebih baik negara itu mengimport sahaja kereta terutama dari Jepun yang harganya lebih rendah," jelas beliau.

Dengan adanya projek kereta Malaysia ini sebahagian daripada bahan mentah negara seperti getah, timah dan besi boleh digunakan dalam negeri sendiri. Perusahaan ini juga akan meningkatkan lagi perusahaan melombong dan lain-lain.

Jika negara yang mempunyai penduduk yang kecil seperti Sweden mengeluarkan keretanya sendiri sudah pasti Malaysia yang mempunyai penduduk tiga kali ganda lebih ramai daripada negara berkenaan mampu membuat keretanya.

"Kita memilih masuki bidang industri berat ini kerana kita yakin kita akan berjaya. Kereta kita akan mempunyai kawalan mutu yang baik dan setanding dengan kereta buatan negara lain.

## Perpaduan

"Apa yang perlu sekarang ialah keyakinan rakyat. Mereka harus yakin setiap barang buatan Malaysia itu adalah baik dan bermutu tinggi. Itulah sebabnya masa ini kerajaan melaksanakan kempen beli barangan Malaysia," kata Perdana Menteri.

Mengenai soal perpaduan, Datuk Seri D. Mahathir berkata, soal itu bukan terletak di bahu kerajaan semata-mata. Ia perlu kerjasama semua pihak termasuklah para pelajar yang sedang

11 MAY 1985

Oleh RADZI MUSTAPHA



pat menggunakan 'Malaysia Hall' kerana kerja-kerja membaiki dan mengubahsuainya masih belum selesai.

Bagaimanapun penantian itu tidaklah lama kerana beberapa minit selepas itu tibalah 'host' makan malam hari itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ketibaan Perdana Menteri disambut dengan penuh hormat oleh wakil para pelajar dan beberapa jenaka yang dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir menjadikan majlis itu lebih seperti perjumpaan keluarga. Itulah yang sentiasa diharapkan oleh mereka.

Masalah yang ditimbulkan juga kebanyakannya masalah yang patut diselesaikan secara keluarga. Setelah selesai menjamah hidangan nasi putih dengan lauk

pauk pelbagai jenis dan minuman sirap bandung, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Kassim Husin pun bangun membuka majlis.

Seperti tradisinya beliau memperkenalkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai "host" makan malam itu dan menyanjung Perdana Menteri walaupun sibuk dengan aturcara lawatan yang ketat ke negara-negara Scandinavia dan Austria tetapi sempat juga singgah di London menemui para penuntut di situ.

Sebagai jawapannya pula, Datuk Seri Dr Mahathir berseloroh dengan mengatakan dia tidak tahu menahu mengenai makan malam itu dan

seluruhannya. Banyak

perkara serius yang dinyatakan oleh Perdana Menteri ketika menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh pelajar-pelajar itu.

Tajuknya ialah daripada hal ehwal masalah penuntut hinggalah kepada dasar penerapan nilai-nilai Islam, isu Bumiputra Malaysia Finance, perpaduan kaum dan yang paling menarik ialah mengapa Malaysia perlu membuat kereta sendiri.

Seorang wakil penuntut menyarankan lebih ekonomik kalau Malaysia mengimport sahaja kereta dari luar negeri.

Pada keseluruhannya tidaklah sukar bagi Perdana Menteri menerangkan dengan jelas kepada para penuntut berhubung dasar yang dibuatnya dalam usaha membawa Malaysia ke zaman pembangunan industri berat dengan projek kereta Malaysia.

Katanya, rakyat Malaysia akan hanya mendapat kepakaran di bidang mengeluarkan duit dari kocek dan membayar harga kereta yang hendak dibeli jika tidak mahu menanggung risiko projek ini. Itulah sahaja kepakaran yang akan diperolehi jika negara tidak mahu mencuba dan menanggung risiko seperti itu.

"No risk, no gain," kata Perdana Menteri. "Kita juga perlu membayar kepada apa yang hendak kita miliki. Bayarannya mungkin tinggi tetapi

Sebenarnya, kata beliau, untuk memperolehi kepakaran teknologi tinggi termasuk dalam bidang membuat kereta, kita perlu menentukan bila hendak memulakannya. Jika bukan masa ini mungkin di masa depan dan mungkin di satu masa yang lebih lama dari sekarang. Pokoknya ia mesti dimulakan.

Bagaimanapun, katanya, projek kereta Malaysia itu bukanlah besar sangat berbanding projek kereta-kereta lain yang dibuat oleh negara-negara maju. Malah kereta itu cuma 38 peratus sahaja barangan Malaysia manakala selebihnya masih barang Jepun.

Tetapi projek kereta tetap menguntungkan Malaysia. Kita akan memperolehi kepakaran membuat enjin, kerja besi dan yang lebih menggalakkan ialah ia dapat mewujudkan 1,200 lagi industri sampingan.

Pertumbuhan industri itu sudah pasti memberi peluang pekerjaan yang lebih besar kepada rakyat. Kereta itu juga boleh dieksport dan ini akan meningkatkan lagi pertukaran wang asing.

"Kita perlu membuat pilihan. Kita perlu mempelbagaikan sumber pendapatan negara. Permintaan terhadap barangan komoditi tidak begitu baik. Dan cara yang paling sesuai untuk meningkatkan taraf hidup rakyat ialah dengan menyertai industri berat," kata beliau.

menuntut di luar negeri.

Katanya, dalam kerajaan, kabinet diwakili oleh semua kaum dan setiap keputusan yang diambil mendapat persetujuan wakil setiap kaum. Kabinet Malaysia lebih bersatu daripada kabinet British sendiri.

"Dalam kabinet, kita membuat keputusan secara kolektif. Jika kita tidak setuju dengan keputusan itu kita boleh berhenti. Semua pihak sebenarnya perlu memainkan tugas dalam mewujudkan perpaduan kaum ini," jelas beliau lagi.

Badan-badan pelajar sepatutnya mengadakan lebih banyak pertemuan dan perjumpaan supaya mereka dapat memahami antara satu sama lain berikutan adat resam antara satu kaum dengan kaum yang lain di Malaysia agak berbeza dan perlu persefahaman untuk mengekalkan keharmonian itu.

Kepada soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, peruntukan Islam sebagai agama rasmi negara sudah cukup untuk membolehkan kerajaan melaksanakan usaha-usaha menjadikan Malaysia sebuah negara bercorak Islam.

Katanya, tidak guna dimasukkan ciri-ciri seperti peruntukan bahawa sunnah dan al-Quran sebagai panduan jika kita hendak menjadikan Malaysia negara Islam semata-mata untuk mengikut nafsu seseorang.

"Kita harus ingat kita ada sedikit kuasa tetapi kita tidak boleh salahgunakan kuasa itu kerana jika bencana berlaku orang Islam juga yang akan menerima bahnanya," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyentuh hubungannya dengan Datuk Musa Hitam. Katanya, tuduhan yang menyatakan beliau berselisih faham dengan Datuk Musa adalah fitnah. "Saya mempunyai hotline dengan Datuk Musa dan setiap pagi kami berhubung antara satu sama lain."

Pertemuan lebih tiga jam itu berakhir dalam suasana kekeluargaan. Pada keseluruhannya penuntut-penuntut itu nampaknya puas hati dengan penerangan Perdana Menteri. Beberapa bas yang menunggu di luar hotel itu kemudian membawa para penuntut itu pulang ke tempat masing, ada yang jauh di luar kota London.